

TERHAD



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019

PERNIAGAAN

TUGASAN

PROJEK

Kertas 3

April – Jun 2019

3766/3

-
-
1. *Kertas ini mengandungi **satu** tugas.*
 2. *Calon wajib melaksanakan tugas tersebut secara individu.*
 3. *Calon hendaklah menyempurnakan projek ini dengan merujuk kepada elemen, aspek dan kriteria yang telah ditetapkan.*
 4. *Projek ini hendaklah dilaksanakan oleh calon SPM dari bulan **April** hingga bulan **Jun 2019**.*
 5. *Calon dikehendaki menyediakan Jadual Pelaksanaan Tugasan Projek untuk memastikan tugas projek dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.*
 6. *Calon dinasihatkan membuat perancangan yang teliti dan melaksanakan tugas dengan menggunakan perbelanjaan yang berpatutan dan munasabah.*

Kertas tugas ini mengandungi 4 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

TUGASAN PROJEK

1. Anda merancang untuk menjalankan perniagaan secara milikan tunggal. Berikut adalah jenis perniagaan yang boleh anda pilih.
 - 1.1 Kedai Pastri
 - 1.2 Kedai Cenderahati
 - 1.3 Kedai Gunting Rambut
 - 1.4 Kedai Makanan Sejuk Beku
 - 1.5 Kedai Membaiki Komputer / Peralatan Komputer
 - 1.6 Kedai Telefon Bimbit / Aksesori Telekomunikasi

Anda dikehendaki menyediakan satu Rancangan Perniagaan yang lengkap bagi satu jenis perniagaan yang dipilih. Rancangan Perniagaan ini akan dikemukakan kepada mana-mana institusi kewangan atau badan kerajaan untuk mendapatkan pembiayaan.

2. Penubuhan perniagaan ini mestilah mengikut prosedur pendaftaran dan pelesenan pihak berkuasa berkaitan.
3. Modal perniagaan
 - 3.1 Jumlah modal adalah antara RM50 000 hingga RM200 000.
 - 3.2 Sumber pembiayaan diperoleh daripada
 - (i) Simpanan sendiri / pinjaman daripada ahli keluarga dan rakan-rakan.
 - (ii) Pinjaman daripada bank atau institusi kewangan atau agensi kerajaan.
4. Tenaga pekerja
 - 4.1 Pekerja adalah Warganegara Malaysia.
 - 4.2 Pekerja terdiri daripada ahli keluarga, rakan atau masyarakat setempat.
 - 4.3 Bilangan pekerja dan gaji minimum bagi seorang pekerja adalah seperti berikut:

Pekerja	Bilangan Pekerja	Gaji Minimum (RM)
Pengurusan	3	3 000
Staf Sokongan	2	1 500
Operasi	5	1 200

- 4.4 Pekerja adalah tertakluk kepada caruman KWSP dan PERKESO.
- 4.5 Struktur organisasi perniagaan mestilah berdasarkan bahagian fungsian.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

5. Utiliti perniagaan
 - 5.1 Anda telah mengenal pasti lokasi perniagaan dengan sewaan minimum RM3 000 sebulan.
 - 5.2 Pembelian kenderaan secara sewa beli untuk tempoh lima hingga tujuh tahun bagi perniagaan berkaitan dengan kadar faedah sebanyak 3 % setahun.
 - 5.3 Pembelian perabot dan alatan pejabat secara sewa beli untuk tempoh dua hingga tiga tahun dan dikenakan kadar faedah tertentu.
 - 5.4 Setiap aset bukan semasa perlu disusutnilaikan atas harga kos pada kadar 5 % setahun.
6. Trend persekitaran semasa dalam perniagaan
 - 6.1 Kementerian Pembangunan Usahawan menggalakkan para belia menyertai bidang perniagaan dan keusahawanan.
 - 6.2 Program Pembangunan Usahawan
 - 6.2.1 Skim Pembiayaan Tekun Niaga
 - 6.2.2 Pembiayaan Tabung Amanah Ikhtiar
 - 6.2.3 Skim Pembiayaan Peningkatan Perniagaan (SPiM)
 - 6.2.4 Program Latihan Keusahawanan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA)
 - 6.2.5 Dana Usahawan Muda (Young Entrepreneur Fund) oleh SME Bank
7. Rancangan Perniagaan yang dikemukakan hendaklah mempunyai format berikut:
 - 7.1 Pengenalan dan Ringkasan Eksekutif
 - 7.2 Tujuan Rancangan Perniagaan / Kertas Kerja
 - 7.3 Latar Belakang Perniagaan
 - 7.4 Latar Belakang Pemilik / Rakan Kongsi
 - 7.5 Kedudukan Tapak Projek
 - 7.6 Objektif Projek
 - 7.7 Rancangan Pentadbiran / Organisasi
 - 7.8 Rancangan Operasi
 - 7.9 Rancangan Pemasaran
 - 7.10 Rancangan Kewangan
 - 7.11 Penutup
 - 7.12 Lampiran (dokumen sokongan)
8. Anda mestilah mempersempahkan konsep, kreativiti dan idea produk dalam bentuk pembentangan projek dan interaksi sepanjang pelaksanaan tugas projek.
9. Idea perniagaan yang dipersembahkan mestilah menjurus kepada penjenamaan produk Malaysia. Anda digalakkan untuk mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber.

[Lihat halaman sebelah

10. Rancangan Perniagaan ini hendaklah mengandungi unsur berikut:
 - 10.1 Fon : Times New Roman
 - 10.2 Saiz fon : 12 *pt.*
 - 10.3 Saiz fon bagi tajuk besar atau kecil bergantung kepada kesesuaian
 - 10.4 Saiz kertas : A4
11. Rancangan Perniagaan yang lengkap mesti dikemukakan oleh calon secara individu. Anda juga dikehendaki mengemukakan evidens proses kerja dalam bentuk tulisan tangan.
12. Draf tulisan tangan dalam bentuk lakaran, lukisan, gambar rajah atau tulisan mestilah jelas sebagai evidens.
13. Penggunaan kertas warna dibenarkan.
14. Gambar atau ilustrasi tambahan hendaklah dilekatkan dengan kemas supaya tidak tercicir.

TUGASAN TAMAT